

04/08/2003

Karnival hidupkan suasana di Putrajaya: Dr Mahathir

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penduduk di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya tidak sepatutnya merasakan mereka masih menetap di kawasan pembinaan kerana Putrajaya sudah menjadi sebuah bandar.

Perdana Menteri berkata, walaupun masih banyak pembangunan belum siap di kawasan ini tetapi dengan pelbagai aktiviti yang dijalankan seperti Karnival Putrajaya 2003, menunjukkan tahap yang sama dengan bandar lain.

"Memang ada di antara warga Putrajaya dan mereka yang bekerja di sini, yang rasa seolah-olah mereka tinggal di kawasan pembinaan.

"Tidak ada aktiviti apa-apa... sunyi. Sekarang penduduk di Putrajaya sudah ramai dan karnival sebegini menunjukkan tahap Putrajaya sama dengan bandar," katanya selepas menutup Karnival Putrajaya 2003 di sini, malam tadi.

Karnival dua hari itu yang dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kelmarin, disertai lebih 300,000 orang, termasuk dari luar Putrajaya.

Ia anjuran bersama Perbadanan Putrajaya dengan Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3), dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Dr Mahathir berkata, satu kawasan baru akan dikenal pasti bagi menyediakan tapak khas yang dapat membolehkan aktiviti seperti karnival berkenaan diadakan dengan lebih sempurna.

Ditanya mengenai jumlah pengundi yang hanya kira-kira 6,000 orang di Putrajaya, Dr Mahathir berkata, masalah kekurangan pengundi turut dirasai di kawasan lain.

"Mereka (penduduk Putrajaya) bukan pengundi baru kerana mereka dari tempat lain dan ada setengah yang tidak mahu pindah (daftar) di sini.

"Saya sendiri tinggal di sini tetapi masih mendaftar sebagai pengundi di kawasan Anak Bukit (Kedah)," katanya.

Bagaimanapun, beliau yakin masalah kekurangan jumlah pengundi di Putrajaya akan dapat diatasi sebelum pilihan raya umum akan datang.

Satu kawasan Parlimen menetapkan sekurang-kurangnya 15,000 pengundi bagi membolehkan kawasan terbabit menghadapi pilihan raya.

Sementara itu, Karnival Putrajaya yang julung kali diadakan itu turut diserikan lagi dengan konsert daripada artis tempatan termasuk Datuk Shake, Dayang Nurfaezah, Rabbani, Hazami dan Eizleen.

TV3 menerusi siaran Buletin Utamanya turut menyiarkan secara langsung upacara penutupan karnival itu, semalam.

Sepanjang karnival itu, pelbagai pameran dan gerai yang disediakan kepada orang ramai termasuk kaunter mendaftar sebagai pengundi oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan Umno.

Malah, orang ramai juga dapat membuat pemeriksaan saman dengan adanya kaunter polis trafik.

Seorang pengunjung yang juga penduduk di Putrajaya, Nor Masitah Ramli, yang ditemui berkata, beliau merasa cukup gembira dan terharu kerana sejak menetap di sini setahun lalu, inilah kali pertama sebuah karnival diadakan secara besar-besaran.